

NSPNCD


NATIONAL STRATEGIC PLAN FOR NON-COMMUNICABLE DISEASE




Garis Panduan Pelaksanaan
VENDING MACHINE
(Mesin Jual) Minuman dan Makanan Sihat di
Fasiliti Kesihatan KKM



N C D P R E V E N T I O N A N D C O N T R O L

Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit,
Bahagian Kawalan Penyakit,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
2011






© Kementerian Kesihatan Malaysia 2011


Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa jua bentuk atau alat mekanikal atau elektronik kecuali setelah mendapat kebenaran daripada penerbit.

Edisi Pertama 2011

Diterbit, dicetak dan diedarkan oleh:
Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD)
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Tel: 603-8883 4145 Faks: 603-8888 6277
Laman web: <http://www.moh.gov.my>

ISBN 978-983-3433-85-8





**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Telefon : 03-88832533
Fax : 03-88895245

Rujukan: (17) KKM-171/BKP/07/35/0519 Jld 4
Tarikh: 9 Jun 2011

Semua Setiausaha Bahagian

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Kesihatan Negeri / Wilayah Persekutuan

Semua Pengarah Institut Kesihatan

Semua Pengarah Hospital

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING AM KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2011

SENARAI PRODUK MINUMAN DAN MAKANAN SIHAT YANG DIBENARKAN DIJUAL DALAM VENDING MACHINE DAN DISPENSER MAKANAN ATAU MINUMAN (PETI SEJUK, TROLI DAN SUDUT JUALAN) DI FASILITI KESIHATAN KKM

1. TUJUAN


Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Senarai Produk Minuman dan Makanan Sihat yang Dibenarkan Dijual dalam *Vending Machine* dan *Dispenser* Makanan atau Minuman (Peti Sejuk, Troli dan Sudut Jualan) di Fasiliti Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Penjualan minuman dan makanan sihat dalam *vending machine* dan *dispenser* makanan atau minuman di fasiliti KKM adalah bagi menyokong persekitaran ke arah pemakanan yang sihat, selaras dengan strategi-strategi yang terkandung di dalam Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (NSP-NCD).
- 2.2 Mesyuarat Pagi KKM Bil.1/2011 pada 12 Januari 2011 telah bersetuju dengan senarai produk minuman dan makanan yang dibenarkan dijual dalam *vending machine* dan *dispenser* makanan atau minuman di fasiliti KKM.

3. SENARAI PRODUK MINUMAN DAN MAKANAN SIHAT YANG DIBENARKAN DIJUAL

Produk minuman dan makanan yang dibenarkan dijual dalam *vending machine* dan *dispenser* makanan atau minuman adalah yang dikategorikan rendah gula, rendah lemak, rendah garam, tinggi serat, tiada gula tambahan atau gula tiruan, tiada bahan pengawet dan tiada pewarna. Senarai produk adalah seperti di **Lampiran 1**. Penjualan minuman berkarbonat adalah **dilarang** di semua fasiliti KKM.



4. TANGGUNGJAWAB

Pengarah Institut Kesihatan, Pengarah Hospital dan Pegawai Kesihatan Daerah adalah bertanggungjawab melaksanakan Surat Pekeliling Am ini.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 8, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P. Putrajaya

6. TARikh KUATKUASA

Surat Pekeliling Am ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan. Penyewaan *vending machine* dan *dispenser* makanan atau minuman (jika berkaitan) yang masih di dalam kontrak selepas tarikh kuatkuasa pekeliling ini adalah dibenarkan sehingga tamat kontrak.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATUK KAMARUL ZAMAN BIN MD. ISA)

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)

Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)

Setiausaha Sulit Kanan YB Menteri Kesihatan

Setiausaha Sulit Kanan YB Timbalan Menteri Kesihatan

LAMPIRAN 1

SENARAI PRODUK MINUMAN DAN MAKANAN SIHAT YANG DIBENARKAN DIJUAL DALAM VENDING MACHINE DAN DISPENSER MAKANAN ATAU MINUMAN (PETI SEJUK, TROLI DAN SUDUT JUALAN) DI FASILITI KESIHATAN KKM

MINUMAN

1. Air mineral berbungkus
2. Air minuman berbungkus
3. Semua jenis susu UHT
4. Semua produk minuman sedia diminum (kecuali susu) yang dilabel 'rendah gula'^a atau 'bebas gula'^a
5. Semua minuman berbancuh (kecuali susu) yang 'rendah lemak' (≤ 1.5 g bagi setiap 100 ml) atau 'bebas lemak'; dan 'rendah gula' (≤ 2.5 g bagi setiap 100 ml) atau 'bebas gula'^a

Nota: Semua minuman berkarbonat adalah **tidak dibenarkan** walaupun dilabel sebagai rendah kalori

MAKANAN

1. Makanan bijirin tersedia^b yang mengandungi 'whole grain'
2. Buah-buahan kering^c tanpa tambahan gula, glukosa, gliserol, sorbitol atau sakarin; dan tidak mengandungi bahan pengawet atau pewarna
3. Kekacang dan bijian yang dipanggang dan dilabel 'rendah gula'^a atau 'rendah garam'^a
4. Semua jenis makanan konfeksi tepung^d yang dilabel 'tinggi serat'^a, 'tinggi vitamin'^a atau 'tinggi mineral'^a
5. Semua jenis makanan konfeksi tepung^d yang dilabel 'rendah lemak'^a, 'rendah gula'^a atau 'rendah garam'^a
6. Semua jenis makanan yang dikategorikan sebagai 'berkhasiat'^e berdasarkan Peraturan 18(8) di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985

Nota: Semua makanan yang berkrim atau bersalut gula adalah **tidak dibenarkan**

Rujukan:

- a Peraturan 18c Akuan Kandungan Nutrien di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985 – Jadual Kelima A, Daftar I dan Daftar II
- b Peraturan 64 di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- c Peraturan 226 di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- d Peraturan 135 di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- e Peraturan 18(8) di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985



Malaysian Dietary Guidelines 2010

Disediakan oleh:
Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Isi Kandungan


6Garis Panduan Pelaksanaan *Vending Machine* (Mesin Jual) Minuman dan Makanan Sihat di Fasiliti Kesihatan KKM

Surat Pekeliling Am Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2011	03
1.0 Pengenalan	08
2.0 Objektif	08
3.0 Skop Pelaksanaan Garis Panduan	08 – 14
Appendiks 1 Prosedur Kerja	16
Permohonan Penyewaan Ruang Premis Demis di Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri/hospital (Jabatan Yang Mengurus)	
Appendiks 2 Surat dari Bahagian Khidmat Pengurusan KKM “Penyewaan Ruang Premis Demis oleh Pihak Luar/Swasta di Bangunan Milik KKM”	18
Appendiks 3 Borang JPD	20
Permohonan Penyewaan Premis Demis di Bangunan Kerajaan	
Appendiks 4 Draf Dokumen Perjanjian	25
Perjanjian Utama Sewa Ruang Bangunan	
Appendiks 5 Borang Pemantauan	36
Pelaksanaan <i>Vending Machine</i> Minuman dan Makanan Sihat di Fasiliti Kesihatan KKM	
Appendiks 6 Senarai Ahli Jawatankuasa	40
Penerbitan Garis Panduan	



Garis Panduan Pelaksanaan
VENDING MACHINE

(Mesin Jual) Minuman dan Makanan Sihat di
Fasiliti Kesihatan KKM



1.0 Pengenalan

Masalah obesiti dan NCD banyak ditentukan oleh gaya hidup yang tidak sihat, seperti kurang bersenam, amalan pemakanan yang tidak sihat, tabiat merokok dan lain-lain. Persekutaran yang tidak menyokong ke arah gaya hidup sihat juga mempengaruhi amalan dan gaya hidup masyarakat yang menyumbang kepada peningkatan masalah obesiti. Ini termasuklah kewujudan *vending machine* menjual makanan atau minuman yang dikategorikan sebagai “*sugary, energy-dense* dan *non-nutritive*” (tidak sihat), serta ianya mudah didapati di mana-mana termasuk di fasiliti kesihatan KKM.


Selaras dengan Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit NCD (*National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases* atau NSP-NCD) yang telah dirangka oleh KKM bagi menangani masalah obesiti dan NCD di Malaysia, pelaksanaan peraturan dan polisi sentiasa diberi penekanan supaya persekitaran yang menyokong ke arah gaya hidup sihat dapat diwujudkan. Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab dalam penjagaan kesihatan seluruh rakyat Malaysia, pelaksanaan ini akan menjadi contoh yang baik kepada pelbagai kementerian kerajaan dan NGO, bagi menyediakan pilihan yang lebih sihat kepada pekerja, pelanggan dan orang awam. Ini akan menyokong kepada perubahan gaya hidup masyarakat dengan meningkatkan kesedaran dan amalan penjagaan kesihatan serta pencegahan obesiti.

2.0 Objektif

Sebagai panduan kepada anggota kesihatan dan pentadbir fasiliti yang menyediakan perkhidmatan *vending machine* minuman dan makanan di fasiliti mereka, bagi memastikan penyediaan minuman dan makanan yang dijual adalah sihat dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

3.0 Skop Pelaksanaan Garis Panduan

- 3.1** Dokumen ini digunakan di semua fasiliti kesihatan KKM yang menyediakan perkhidmatan *vending machine* minuman dan makanan.
- 3.2** Fasiliti kesihatan KKM adalah termasuk:
 - i. Ibu pejabat KKM
 - ii. Jabatan Kesihatan Negeri
 - iii. Pejabat Kesihatan Daerah
 - iv. Klinik Kesihatan



- v. Klinik Pergigian
- vi. Klinik Desa
- vii. Klinik 1 Malaysia
- viii. Hospital
- ix. Institusi di bawah KKM
- x. Kolej di bawah KKM
- xi. Makmal Kesihatan Awam

3.3 Garis panduan ini menggariskan tiga komponen berikut, iaitu:

- i. Produk Minuman dan Makanan Sihat bagi *Vending Machine*
- ii. Peraturan Peletakan *Vending Machine* Minuman dan Makanan
- iii. Peraturan Permohonan Penyewaan Ruang Premis Demis

3.3.1 Produk Minuman dan Makanan Sihat bagi *Vending Machine*

Produk minuman dan makanan yang dibenarkan dijual dalam *vending machine* dan *dispenser* makanan atau minuman adalah yang dikategorikan rendah gula, rendah lemak, rendah garam, tinggi serat, tiada gula tambahan atau gula tiruan, tiada bahan pengawet dan tiada pewarna. Senarai produk adalah seperti di bawah. Penjualan minuman berkarbonat adalah **dilarang** di semua fasiliti KKM.

MINUMAN

1. Air mineral berbungkus
2. Air minuman berbungkus
3. Semua jenis susu UHT
4. Semua produk minuman sedia diminum (kecuali susu) yang dilabel ‘rendah gula’^a atau ‘bebas gula’^a
5. Semua minuman berbancuh (kecuali susu) yang ‘rendah lemak’ (≤ 1.5 g bagi setiap 100 ml) atau ‘bebas lemak’; dan ‘rendah gula’ (≤ 2.5 g bagi setiap 100 ml) atau ‘bebas gula’^a

Nota: Semua minuman berkarbonat adalah **tidak dibenarkan** walaupun dilabel sebagai rendah kalori

MAKANAN

1. Makanan bijirin tersedia^b yang mengandungi ‘whole grain’
2. Buah-buahan kering^c tanpa tambahan gula, glukosa, gliserol, sorbitol atau sakarin; dan tidak mengandungi bahan pengawet atau pewarna

10Garis Panduan Pelaksanaan *Vending Machine* (Mesin Jual) Minuman dan Makanan Sihat di Fasiliti Kesihatan KKM

3. Kekacang dan bijian yang dipanggang dan dilabel 'rendah gula'^a atau 'rendah garam'^a
4. Semua jenis makanan konfeksi tepung^d yang dilabel 'tinggi serat'^a, 'tinggi vitamin'^a atau 'tinggi mineral'^a
5. Semua jenis makanan konfeksi tepung^d yang dilabel 'rendah lemak'^a, 'rendah gula'^a atau 'rendah garam'^a
6. Semua jenis makanan yang dikategorikan sebagai 'berkhasiat'^e berdasarkan Peraturan 18(8) di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985

Nota: Semua makanan yang berkrim atau bersalut gula adalah **tidak dibenarkan**

Rujukan:

- a Peraturan 18c Akuan Kandungan Nutrien di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985 – Jadual Kelima A, Daftar I dan Daftar II
- b Peraturan 64 di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- c Peraturan 226 di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- d Peraturan 135 di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- e Peraturan 18(8) di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985

Malaysian Dietary Guidelines 2010

3.3.2 Peraturan Peletakan *Vending Machine* Minuman dan Makanan (Peraturan Lokasi, Pengurusan Kebersihan dan Sampah)

Peletakan *vending machine* mestilah mematuhi **Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Bab 6 (Perkara 53-55)**.

- i. Pemasangan mesin jual (*vending machine*) makanan atau mesin jual air

Perkara

53. (1) Pemunya atau pengendali sesuatu mesin jual makanan atau mesin jual air hendaklah, sebelum memasang mesin itu di mana-mana tempat, mematuhi kehendak yang berikut:
- (a) nama dan alamat berdaftarnya dilabelkan pada mesin jual makanan atau mesin jual air itu;
 - (b) mesin jual makanan atau mesin jual air itu diletakkan di kawasan yang sesuai bagi melindungi hasil di dalam mesin daripada apa-apa pencemaran;

- (c) mesin jual makanan atau mesin jual air itu dikekalkan bersih dan sanitasi;
 - (d) ruang di sekeliling dan di bawah mesin jual makanan dan mesin jual air itu mudah dicapai untuk dicuci dan tidak menjadi tempat bersarang perosak; dan
 - (e) lantai di mana mesin jual makanan atau mesin jual air itu dimaksudkan untuk dipasang, diperbuat daripada bahan rata tidak telap air yang mudah dicuci dan dapat tahan cucian dan sentalan yang berulang-ulang.
- (2) Mana-mana pemunya atau pengendali mesin jual makanan atau mesin jual air yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

ii. Mesin jual (*vending machine*) makanan

Perkara

54. (1) Pemunya dan pengendali mesin jual makanan hendaklah mematuhi kehendak berikut:
- (a) mesin jual makanan itu kekal berfungsi dan berkeadaan baik;
 - (b) mesin jual makanan itu kekal dalam keadaan bersih dan sanitasi dan bebas daripada perosak;
 - (c) mesin jual makanan itu digunakan secara eksklusif untuk penjualan makanan;
 - (d) kawasan persekitaran di mana mesin jual makanan itu ditempatkan dikekalkan bersih, kemas dan bebas daripada perosak;
 - (e) bekas sampah:
 - (i) disediakan secukupnya berhampiran dengan mesin jual makanan itu;
 - (ii) adalah dari jenis tutup sendiri, mudah alih dan tahan bocor;
 - (iii) dilabel sewajarnya; dan
 - (iv) dikosongkan apabila penuh atau sekurang-kurangnya sekali sehari dan hendaklah dicuci dan dibersihkan setelah ia kosong.
 - (f) rak atau kotak yang sesuai disediakan berhampiran mesin jual makanan bagi bekas atau botol guna semula;
 - (g) semua makanan atau perkakas pakai buang atau barang yang hendak digunakan dalam mesin jual makanan ketika penghantaran serah dan semasa dalam penyimpanan sebelum digunakan adalah dilindungi pada setiap masa daripada debu, perosak dan apa-apa pencemaran yang lain;
 - (h) mesin jual makanan yang mendispens makanan yang mudah rosak dilengkapi dengan peranti kawalan suhu bagi memastikan makanan itu dikekalkan pada suhu yang sesuai;

12Garis Panduan Pelaksanaan *Vending Machine* (Mesin Jual) Minuman dan Makanan Sihat di Fasiliti Kesihatan KKM

- (i) semua makanan yang mudah rosak didispens dalam bekas atau individu asal;
- (j) semua susu atau hasil susu bendalir didispenskan dalam bekas individu asal;
- (k) semua bekas boleh guna semula dan bahagian mesin jual makanan yang bersentuh secara langsung dengan makanan dialihkan daripada mesin itu dan dicuci sebersih-bersihnya setiap hari;
- (l) muncung mesin jual makanan di mana makanan didispenskan, jika terpakai, dilindungi setiap masa daripada debu, perosak atau apa-apa pencemaran yang lain; dan
- (m) ketuhar gelombang mikro yang digunakan bersama-sama dengan mesin jual makanan:
 - (i) dibersihkan kaviti dan tubir pintunya sekurang-kurang sekali sehari dengan pencuci bukan pelelas; dan
 - (ii) dikelak bebas daripada longgokan gris yang menjadi kerak dan pencemaran yang lain.
- (2) Mana-mana pemunya atau pengendali mesin jual makanan yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

iii. Mesin jual (*vending machine*) air**Perkara**

55. (1) Pemunya atau pengendali mesin jual air hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang berikut:
- (a) mesin jual air itu direka bentuk dan dibina bagi memudahkan pembersihan dan penyelengaraan bagi semua permukaan luar dan dalam;
 - (b) semua bahagian dan permukaan mesin jual air itu yang bersentuhan dengan air diperbuat daripada bahan yang diluluskan, tahan kakisan dan tidak telap yang boleh tahan pembersihan dan rawatan sanitasi yang berulang-ulang;
 - (c) mesin jual air itu mempunyai muncung pendispens tahan kakisan yang berelung atau teradang;
 - (d) mesin jual air itu direka bentuk mengikut cara supaya semua rawatan ke bahagian air yang dijual melalui penyulingan, pertukaran ion, penurasan, cahaya ultraunggu, osmosis berbalik, penambahan mineral atau apa-apa proses lain yang diterima dapat dilakukan dengan cara yang berkesan;
 - (e) mesin jual air itu mempunyai sistem yang berkesan bagi mengendalikan titisan, tumpahan atau limpahan air;

- (f) mesin jual air itu mempunyai peranti pencegahan aliran balik bagi semua sambungan dengan bekalan air;
 - (g) mesin jual air itu yang mendispens air dinyahjangkitkan melalui pengozonan atau kaedah lain yang diluluskan oleh Pengarah;
 - (h) mesin jual air itu dilengkapi peranti pemantau yang direka untuk menghentikan operasi mesin itu apabila unit penyahjangkitan gagal berfungsi, atau dipantau setiap hari dari mula dan ditutup secara manual apabila unit itu gagal berfungsi;
 - (i) mesin jual air itu dilengkapi pintu tutup sendiri dan dipasang kemas pada bahagian pendispens atau penutup muncung pendispens untuk melindungi muncung pendispens bila masa mesin jual air tidak digunakan;
 - (j) mesin jual air itu dikekalkan dalam keadaan bersih dan sanitasi, bebas daripada kotoran dan perosak; dan
 - (k) mesin jual air itu menggunakan bekalan air awam yang diluluskan.
- (2) Mana-mana pemunya atau pengendali mesin jual air yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.


3.3.3 Peraturan Permohonan Penyewaan Ruang Premis Demis

- i. Semua permohonan penyewaan mestilah mematuhi **Prosedur Kerja Permohonan Penyewaan Ruang Premis Demis Di Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Atau Hospital (Jabatan yang Mengurus)**. Prosedur Kerja adalah seperti pada **Appendiks 1**.
- ii. Arahan yang berkaitan adalah seperti yang terkandung di dalam surat edaran dari Bahagian Khidmat Pengurusan KKM kepada semua Pengarah JKN/Institusi bertarikh 3 Mei 2010, **Appendiks 2**.

3.4 Pengiklanan

3.4.1 Pengiklanan sebarang produk minuman dan makanan pada permukaan *vending machine* mestilah produk yang dijual di dalam *vending machine* tersebut sahaja.

3.4.2 Sebarang pengiklanan bahan-bahan promosi kesihatan, dalam apa jua bentuk media seperti poster, mini TV atau audio, mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan yang mengurus (Pejabat Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital/Ketua Institusi).



3.5 Pembentukan Jawatankuasa Teknikal

3.5.1 Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu memastikan pembentukan Jawatankuasa Teknikal di peringkat masing-masing.

3.5.2 Pegawai Zat Makanan atau Pegawai Dietetik perlu dilantik sebagai ahli dalam Jawatankuasa Teknikal untuk memastikan senarai makanan dan minuman yang akan dijual mematuhi senarai produk minuman dan makanan yang dibenarkan.

3.5.3 Pegawai Teknologi Makanan atau Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran (Keselamatan dan Kualiti Makanan) dilantik untuk menjalankan penguatkuasaan dan pemantauan.

3.6 Penguatkuasaan dan Pemantauan

3.6.1 Seorang pegawai di peringkat negeri perlu dilantik sebagai urusetia.


3.6.2 Terma rujukan urusetia adalah untuk memastikan pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan.

3.6.3 Manakala tanggungjawab penguatkuasaan adalah di bawah PTJ.


3.6.4 Pemantauan dilakukan sekali setiap 6 bulan, mengikut format seperti pada **Appendiks 5**. Pegawai Epid NCD Negeri bertanggungjawab untuk mengumpul, menganalisa dan membuat rumusan laporan. Laporan ini mesti dihantar kepada:


Urusetia,
Pelaksanaan *Vending Machine* Minuman dan Makanan Sihat
Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit
Bahagian Kawalan Penyakit
Aras 6, Blokl E10, Parcel E
62590 Putrajaya
Tel: 03-8883 4137/03-88834145
Faks: 03-8888 6277

Dateline (Tarikh penghantaran) laporan diterima di peringkat Kementerian adalah pada **31 Januari** dan **31 Julai** setiap tahun.



APPENDIKS




**APPENDIKS 1****PROSEDUR KERJA****Permohonan Penyewaan Ruang Premis Demis Di Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri/hospital (Jabatan Yang Mengurus)**

Peringkat	Prosedur Kerja
JKN / Hospital (Jabatan)	<p>1.0 Mengisi dan mengemukakan sesalinan Borang JPD (Appendiks 3) kepada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) bagi mendapatkan laporan penilaian berhubung penetapan kadar sewa.</p> <p>2.0 Berdasarkan laporan JPPH, pihak Jabatan perlu memutuskan sama ada permohonan sewaan tersebut perlu dibuat melalui proses pemilihan sebut harga atau proses lantikan terus berdasarkan peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.</p> <p>3.0 Mengisi dan melengkapkan borang JPD sebanyak 2 salinan. Borang JPD hendaklah dilengkapkan oleh Jabatan yang Mengurus (JKN/Hospital) dengan memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Maklumat mengenai penyewa hendaklah dipenuhi dan disahkan oleh Ketua Jabatan yang memohon (JKN/Hospital) di Perkara 3, muka surat 3 dan perakuan di muka surat 9. (ii) Profil Syarikat yang ingin menyewa (iii) Pelan lokasi (iv) Geran Tanah (v) Gambar Bangunan <p>4.0 Mengemukakan sesalinan Borang JPD kepada Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia bagi mendapatkan laporan berhubung ciri-ciri keselamatan bangunan.</p> <p>5.0 Mengemukakan sesalinan Borang JPD kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi mendapatkan laporan keselamatan bangunan.</p> <p>6.0 Terima laporan daripada setiap agensi dan disatukan ke dalam Borang JPD yang akan dikemukakan kepada KKM.</p>

APPENDIKS 1

Peringkat	Prosedur Kerja
	<p>7.0 Sekiranya melibatkan proses sebutharga, sesalinan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah disertakan bersama-sama Borang JPD untuk dikemukakan kepada KKM. Sebaliknya, jika melalui proses lantikan terus, perlu mengemukakan Surat Pengesahan Tawaran daripada Ketua Jabatan yang menyatakan persetujuan untuk memberi sewaan ruang kepada Syarikat/Individu yang memohon.</p>
	<p>8.0 Setelah proses pemilihan dibuat, pihak Jabatan perlu menyediakan sesalinan draf perjanjian mengikut format draf (Appendiks 4) daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) yang lengkap mengandungi butiran penyewa dan tempoh perjanjian.</p>
	<p>9.0 Setelah semua dokumen telah dilengkappkan, Jabatan perlu menghantar semua dokumen termasuk Borang JPD dan draf perjanjian ke KKM untuk diproses.</p> <p>Hantar kepada: Penolong Pegawai Tadbir Unit Pengurusan Aset Bahagian Khidmat Pengurusan Aras 8, Blok E7, Parcel E, 62590 Putrajaya Tel : 03-88832439 Fax : 03-88904600</p>
	<p>10.0 Tempoh kontrak perjanjian adalah untuk 1 hingga 3 tahun sahaja, tetapi kontrak boleh ditamatkan selepas tiga (3) bulan beroperasi jika terdapat masalah dengan syarikat (penyewa) berkenaan.</p>
	<p>11.0 KKM juga milarang pihak syarikat penyewa untuk menyewa kecil (<i>sublet</i>) atau melepaskan premis demis atau mana-mana bahagian, kepada pihak yang lain.</p>

**APPENDIKS 2****SURAT DARI BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN KKM****“Penyewaan Ruang Premis Demis oleh Pihak Luar/Swasta di Bangunan Milik KKM”**

Kementerian Kesihatan Malaysia
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Khidmat Pengurusan
 Aras 7 & 8, Blok E7, Kompleks E
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62590 Putrajaya
<http://pengurusan.moh.gov.my>

Pengiktirafan MS ISO 9001:2000 No. Sijil: AR 4738

Setiausaha Bahagian
 Tel:03-8883 2884 Faks: 03-8889 4971
Cawangan Kewangan Dan Pengurusan Aset
 Tel:03-8883 2630 Faks: 03-8881 0100
Cawangan Pengurusan Am
 Tel:03-8883 2949 Faks: 03-8889 3405

Ruj Kami: KKM200-75/8/1/5 JLD.3(55)

Tarikh:3 Mei 2010

Semua Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri;

Semua Pengarah Institusi


YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

**PENYEWAAN RUANG PREMIS DEMIS OLEH PIHAK LUAR/SWASTA DI BANGUNAN MILIK
 KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia kini dalam usaha untuk mengumpul maklumat berhubung penyewaan ruang premis demis di bangunan milik Jabatan/ Institusi di bawah KKM yang disewakan kepada pihak luar/swasta untuk rekod pemantauan. Penyewaan ini adalah meliputi segala jenis sewaan termasuklah ruang kedai, kantin/kafeteria, taska, mesin ATM, *vending machine* dan lain-lain yang berkaitan dengan penggunaan ruang yang dikenakan sewaan oleh pihak Jabatan/ Institusi kepada pihak luar/swasta.

3. Justeru, pihak Jabatan/ Institusi dipohon untuk mengemukakan maklumat penggunaan ruang premis di bawah Pusat Tanggungjawab masing-masing di dalam format seperti di **LAMPIRAN A** dan hendaklah diisi secara berasingan bagi setiap Jabatan dan dikemukakan kepada bahagian ini melalui e-mel ke norrahayu@moh.gov.my **selewat-lewatnya pada 21 Mei 2010.** Sebarang kemosykilan berhubung perkara ini, sila merujuk kepada Puan Nor Rahayu binti Rashid di talian 03-8883 2921.



APPENDIKS 2

4. Bagi memastikan bahawa segala urusan penyewaan ruang premis demis berjalan lancar dan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan, pihak Jabatan/ Institusi dipohon supaya memastikan bahawa setiap pemohonan sewaan premis demis yang diuruskan hendaklah dikemukakan melalui Bahagian ini bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan. Bersama-sama ini disertakan Proses Kerja dan Senarai Semak Premis Demis seperti di **Lampiran B** untuk rujukan pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.
5. Kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan juga dipohon supaya dapat memastikan bahawa segala urusan pembayaran sewa oleh Penyewa diuruskan dengan teratur bagi mengelakkan daripada berlakunya kelewatan pembayaran oleh pihak Penyewa. Sekiranya didapati berlakunya kelewatan dalam urusan tersebut. Jabatan/Institusi hendaklah dengan segera memaklumkan kepada Bahagian ini untuk dipanjangkan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).
6. Kerjasama dan tindakan segera YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,




(N.ELANGOVAN)

Bahagian Khidmat Pengurusan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

APPENDIKS 3**BORANG JPD****Permohonan Penyewaan Premis Demis Di Bangunan Kerajaan
(Hendaklah Diisi Dalam 2 Salinan)**

Perkara	Maklumat	Butir-Butir	
1.	Latar Belakang Syarikat/individu		
1.1	Syarikat/Individu yang memohon	_____	
1.2	Alamat Syarikat/Individu yang memohon	_____	
1.3	Nama dan Alamat Lengkap Bangunan yang hendak disewa	_____	
1.4	Jabatan/Hospital yang menguruskan sewaan	_____	
1.5	No. Telefon Jabatan/Hospital	_____	
1.6	No. Tel. Syarikat/Individu yang memohon	_____	
1.7	Nama Pegawai Jabatan/Hospital yang boleh dihubungi	_____	
2.	Latar Belakang Di Mana Ruang Diperlukan	Premis Demis Perlanjutan Premis Demis Tambahan/Baru	
2.1	Penyewaan Baru/Tambahan/Perlanjutan	_____	_____
2.2	Jenis Bangunan (Teres/Semi-D/Banglo/Kedai)	_____	_____
2.3	Nama Bangunan	_____	_____
2.4	Alamat Bangunan (No. Geran Hakmilik)	_____	_____
2.5	Negeri	_____	_____
2.6	Nama Pemilik Bangunan	_____	_____
2.7	Sewa Sebulan mengikut Jab. Penilaian (RM)	RM _____	RM _____
2.8	Sewa sebulan yang ditetapkan melalui Sebutharga/Rundingan Terus (RM)	RM _____	RM _____
2.9	Wang Pendahuluan	RM _____	RM _____

Potong yang mana tidak berkenaan

**APPENDIKS 3**

Perkara	Maklumat	Butir-Butir
2.11	Tempoh penyewaan	1/2/3 Tahun 1/2/3 Tahun
2.12	Sekiranya pelanjutan penyewaan nyatakan tarikh tamat tempoh penyewaan sekarang	_____
3. Permohonan Ruang Di Bangunan Kerajaan		
3.1	Adakah permohonan pernah dibuat di mana-mana bangunan Kerajaan	Ada/Tiada
3.2	Apakah keputusannya	_____
3.3	Alasan sekiranya ditolak	_____
3.4	Jenis aktiviti/perniagaan yang dijalankan oleh Syarikat/Individu terbabit	_____ _____ _____ _____


Saya sahkan bahawa Syarikat/Individu yang memohon ini adalah mematuhi segala peraturan dan syarat-syarat penyewaan yang ditetapkan.

Tarikh: _____

Tandatangan Ketua Jabatan
Cop Rasmi Jawatan


APPENDIKS 3

Perkara	Maklumat	Butir-Butir
4.	Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta	
4.1	Laporan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Nyatakan Jumlah Keluasan dalam (mp) dan Kadar Sewa bagi (smp))	_____ _____ _____
4.2	Kadar sewa sebulan yang diperakurkan bagi 3 tahun Pertama (tidak termasuk kos-kos ubahsuai)	_____ _____
4.3	Syarat-syarat penyewaan	Bayaran kadar sewa bulanan termasuk:- (a) bayaran cukai pintu dan cukai tanah; (b) insurans kebakaran; (c) memperbaiki ruang gunasama; (d) Alat-alat pencegah kebakaran; (e) bayaran elektrik dan pembersihan ruang gunasama; (f) menyediakan tempat letak kereta. _____ _____ _____
		Tandatangan: _____
		Nama: _____
		Tarikh: _____




23

APPENDIKS 3



24

APPENDIKS 3


**APPENDIKS 4****PERJANJIAN UTAMA SEWA RUANG BANGUNAN**PERJANJIAN : **JKPTG/SPHP/___ / ___ - ___**


TEMPOH PERJANJIAN : _____ - _____

JENIS PERNIAGAAN : _____

DI ANTARA : **PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN****DAN**

WANG CAGRAN : **RM** _____NILAI SEWA TAPAK : **RM** _____ **SEBULAN**NAMA TEMPAT :


_____

**APPENDIKS 4****PERJANJIAN UTAMA SEWA RUANG BANGUNAN**

PERJANJIAN ini dibuat pada haribulan.....200.. di antara **PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN**, suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3, Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 (Disemak-1988) yang beralamat di **Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian, Aras 2, Blok Menara 4G3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya** (kemudian dari ini disebut sebagai “**TUAN TANAH**”) di satu pihak dan Nama Penyewa/No.Pendaftaran Syarikat @ No. Kad Pengenalan yang beralamat di Alamat Penyewa (kemudian dari ini disebut sebagai “**PENYEWA**”) di pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA TUAN TANAH ialah tuan punya berdaftar di atas bangunan Nama/No. Bangunan/Alamat Bangunan (kemudian ini disebut “Bangunan tersebut”) yang terletak di atas sekeping tanah yang diperlakukan sebagai No.Lot/PT/No.Hakmilik/Mukim/Daerah/Negeri (kemudian daripada ini disebut ‘Tanah tersebut’).

DAN BAHAWASANYA TUAN TANAH telah bersetuju bagi tujuan PERJANJIAN INI memperuntukkan sewa sebahagian ruang tingkat bawah Bangunan tersebut dengan keluasan Luas Ruang Disewa (meter persegi/kaki persegi) sebagaimana ditunjukkan dalam pelan di **Lampiran 'A'** (kemudian dari ini disebut sebagai **PREMIS DEMIS**) kepada **PENYEWA** dan PENYEWA telah bersetuju menerima sewaan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat PERJANJIAN INI.



APPENDIKS 4

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI OLEH PIHAK-PIHAK DI ATAS SEPERTI BERIKUT:-

FASAL 1 - DEFINISI

1.1. Dalam perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, istilah berikut akan membawa maksud seperti berikut:

1.1.1 '**TUAN TANAH**' ertiannya Pesuruhjaya Tanah Persekutuan suatu Pertubuhan Perbadanan telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 (Disemak 1988), mentadbir segala harta benda yang terletak hakmilik kepada Kerajaan Persekutuan.


1.1.2 '**PREMIS DEMIS**' merupakan satu ruang bangunan tersebut dengan keluasan Luas Disewa sebagaimana ditunjukkan dalam pelan di lampiran 'A' yang telah dikhaskan untuk Tujuan Penyewaan semata-mata dan tiada lain daripada ini termasuklah segala pemasangan-pemasangan yang telah sedia ada di dalam ruang tersebut semasa penyerahan dibuat.

FASAL 2 - TEMPOH PERJANJIAN

2.1 Perjanjian ini akan berkuatkuasa mulai Tarikh Mula hingga Tarikh Tamat selama Tiga (3) tahun sahaja.

FASAL 3 - PENYERAHAN PREMIS DEMIS

3.1 **PENYEWA** adalah bertanggungjawab untuk menyerah kembali premis demis dengan sempurna kepada **TUAN TANAH** beserta dengan kelengkapan-kelengkapan dan pemasangan-pemasangan padanya yang jika ditanggalkan akan merosakkan bangunan tersebut apabila tempoh PERJANJIAN INI tamat




APPENDIKS 4

ataupun ditamatkan mengikut syarat-syarat PERJANJIAN INI. **PENYEWA** walau bagaimanapun boleh memindahkan mana-mana kelengkapan atau pemasangan yang dipasang olehnya selepas menandatangani PERJANJIAN INI dengan syarat ia menggantikan apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh pemindahan itu.

FASAL 4 - WANG CAGARAN

- 4.1 **PENYEWA** hendaklah pada tarikh PERJANJIAN INI ditandatangkan menyerahkan:-
 - 4.1.1 Wang Cagaran sewa tapak sebanyak RM (Ringgit Malaysia.....) yang merupakan **Tiga (3) bulan** kadar sewaan premis demis.
- 4.2 Wang Cagaran hendaklah dibayar kepada **Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan** dalam bentuk **Deraf Bank** atas nama **Pesuruhjaya Tanah Persekutuan** yang akan dikembalikan kepada **PENYEWA** selepas tamat tempoh **Tiga (3) bulan** daripada tarikh PERJANJIAN INI luput tanpa dibayar apa-apa faedah atau imbuhan.
- 4.3 **TUAN TANAH** sentiasa berhak, selain dari apa-apa remedai lain yang diberi hak kepadanya di bawah PERJANJIAN INI oleh **PENYEWA**, merampas atau memotong mana-mana atau kesemua wang cagaran tersebut seandainya didapati satu atau beberapa perlanggaran syarat PERJANJIAN INI.
- 4.4 Pihak **PENYEWA** sentiasa mempunyai hak menuntut Wang Cagaran seperti di Fasal 4.1.1 melalui Sijil Tiada Tuntutan.



APPENDIKS 4

FASAL 5 - KADAR SEWAAN

- 5.1 **PENYEWA** adalah dikehendaki membayar sebulan penuh bagi setiap bulan sebanyak RM (Ringgit Malaysia) melalui **Deraf Bank** atas nama **Pesuruhjaya Tanah Persekutuan** tidak lewat dari **Empat Belas (14)** haribulan setiap bulan.
- 5.2. Kadar pembayaran sewa adalah sentiasa tertakluk kepada penilaian semasa yang akan dikaji semula setiap tempoh Satu (1) tahun, jika difikirkan perlu, oleh pihak **TUAN TANAH**.
- 5.3 Di mana berlaku kegagalan penjelasan sewa tapak, pihak **TUAN TANAH** sentiasa berhak merampas kesemua atau mana-mana deposit di Fasal 4.1.1 bagi tujuan tersebut.

FASAL 6 - PEMBAYARAN BIL-BIL


- 6.1 Adalah menjadi tanggungjawab pihak **PENYEWA** menguruskan sendiri segala pembayaran kadar cukai pintu, yuran, lesen serta bayaran-bayaran lain yang akan dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau lain-lain agensi yang berkaitan.
- 6.2 Pihak **TUAN TANAH** tidak bertanggungjawab atas kegagalan **PENYEWA** mematuhi maksud Fasal 6.1 di atas.

FASAL 7 - HAK PENJUALAN

- 7.1 Bagi tujuan ini pihak **PENYEWA** hendaklah memastikan segala undang-undang semasa mengenai Tujuan Penyewaan dipatuhi dengan tepat.

APPENDIKS 4**FASAL 8 - TANGGUNGJAWAB PENYEWA**

- 8.1 Adalah menjadi tanggungjawab pihak **PENYEWA** menguruskan sendiri segala pembayaran kadar cukai, yuran, lesen serta bayaran-bayaran lain yang akan dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau lain-lain agensi yang berkaitan.
- 8.2 Pihak **TUAN TANAH** tidak bertanggungjawab atas kegagalan **PENYEWA** mematuhi maksud Fasal 8.1 di atas.
- 8.3 Pihak **PENYEWA** tidak akan membuat sebarang perubahan tambahan atau pertukaran bentuk dengan apa cara sekalipun kepada premis demis atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa persetujuan bertulis **TUAN TANAH**.
- 8.4 Pihak **PENYEWA** hendaklah menguruskan sendiri untuk mendapatkan apa-apa kelulusan dari Pihak Berkuasa Tempatan atau lain-lain undang-undang berkaitan untuk tujuan penyewaan.
- 8.5 **PENYEWA** tidak dibenarkan menyewa kecil (*sub/let*) atau melepaskan tapak itu atau mana-mana bahagiannya kepada pihak lain.
- 8.6 Pihak **PENYEWA** hendaklah mendapatkan perlindungan insuran yang memuaskan dan mencukupi bagi melindungi kemungkinan tuntutan dan kepentingan mana-mana pihak termasuk pihak ketiga selama tempoh sewaan berkuatkuasa. Salinan Perlindungan insurans itu hendaklah diserahkan kepada pihak **TUAN TANAH** semasa PERJANJIAN INI ditandatangani oleh kedua belah pihak.
- 8.7 Pihak **PENYEWA** hendaklah patuh kepada semua syarat-syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau lain-lain undang-undang mengenai urusan Tujuan Penyewaan. **TUAN TANAH** tidak bertanggungjawab ke atas tindakan Undang-Undang yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau lain-lain agensi Kerajaan atas kegagalan penyewa mematuhi undang-undang.



APPENDIKS 4

- 8.8 Pihak **PENYEWA** bertanggungjawab sepenuhnya bagi melindungi **TUAN TANAH** dari sebarang tindakan undang-undang atau apa-apa tuntutan pihak ketiga yang dibuat di dalam dan di luar mahkamah.

FASAL 9 - PEMERIKSAAN PREMIS DEMIS

- 9.1 Pihak **TUAN TANAH** sentiasa mempunyai hak kebebasan keluar masuk bagi tujuan pemeriksaan Tujuan Penyewaan ini pada tiap-tiap masa yang difikirkan bersesuaian.

FASAL 10 - “FORCE MAJEURE”


- 10.1 **TUAN TANAH** dan/atau **PENYEWA** adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang tindakan, ketinggalan atau kegagalan dalam memenuhi kehendak PERJANJIAN INI jika tindakan, ketinggalan atau kegagalan ini timbul daripada keadaan-keadaan yang berikut:

- 10.1.1 Rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan atau sebab-sebab dan bahaya-bahaya lain yang tidak dapat dikawal oleh mana-mana pihak.

- 10.2 Dalam keadaan yang disebut di Fasal 10.1.1 di atas yang menyebabkan mana-mana pihak tidak dapat menyempurnakan tanggungjawab di bawah PERJANJIAN INI, maka PERJANJIAN INI boleh ditamatkan dengan persetujuan kedua-dua pihak.

FASAL 11 - TIMBANGTARA (‘ARBITRATION’)

- 11.1 Jika berlaku apa-apa pertikaian atau tuntutan yang timbul dari atau berkenaan dengan PERJANJIAN INI atau perlanggaran atau penamatkan berkenaan




APPENDIKS 4

PERJANJIAN INI, yang tidak dapat diselesaikan secara baik atau aman oleh pihak-pihak yang terlibat, hal, pertikaian atau tuntutan tersebut hendaklah dirujuk kepada Penimbangtara yang hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang terlibat atau sekiranya tidak ada persetujuan, hendaklah dicalonkan oleh Pengarah Pusat Timbangtara Serantau, Kuala Lumpur, atas permintaan atau permohonan oleh satu pihak yang terlibat, dan apa-apa rujukan hendaklah dianggap sebagai satu rujukan kepada timbangtara mengikut cara yang diperuntukan oleh Akta Timbangtara 2005. Keputusan yang diberikan oleh Penimbangtara adalah muktamad dan mengikat ke atas pihak-pihak terlibat.

- 11.2 Setiap Timbangtara hendaklah dijalankan di Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur dengan menggunakan kesemua kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan yang tersedia di pusat tersebut atau mana-mana tempat yang akan ditentukan oleh Penimbangtara dan dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat.
- 11.3 Apa-apa rujukan kepada mana-mana hal, pertikaian atau tuntutan kepada timbangtara selaras dengan Fasal ini dan/atau perlanjutan prosiding timbangtara akibat daripadanya hendaklah tanpa menyentuh apa-apa tuntutan oleh mana-mana satu pihak terhadap pihak yang satu lagi mengenai apa-apa perlanggaran terdahulu terhadap mana-mana persetujuan atau syarat yang terkandung dalam PERJANJIAN INI.

FASAL 12 - PENAMATAN PERJANJIAN

- 12.1 Dengan memberi **Tiga Puluh (30)** hari notis secara bertulis kepada **PENYEWA, TUAN TANAH** boleh terus menamatkan PERJANJIAN INI tanpa membayar apa-apa pampasan atau gantirugi:
 - 12.1.1 Jika sekiranya PENYEWA telah didapati melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat dalam PERJANJIAN INI;




APPENDIKS 4

- 12.1.2 Tanpa prejudis terhadap lain-lain hak kerajaan, jika kerajaan berpuas hati bahawa syarikat, kakitangan, pekerja, agen atau orang yang digajikan terlibat dengan rasuah atau aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan PERJANJIAN INI atau perjanjian-perjanjian lain yang dimeterai oleh syarikat tersebut dengan Kerajaan, Kerajaan mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis secara serta-merta mengenai penamatan perjanjian tersebut dengan syarikat; dan
- 12.1.3 Dengan penamatan sebegini, Kerajaan berhak ke atas segala kerugian, kos-kos, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan disebabkan oleh penamatan perjanjian.
- 12.1.4 Sekiranya TUAN TANAH menghendaki PREMIS DEMIS tersebut bagi apa-apa maksud sekalipun.
- 12.2 Tiada apa-apa tindakan seperti Fasal 12.1.1 dan 12.1.2 di atas akan menyentuh mana-mana hak **TUAN TANAH** untuk mendapatkan balik gantirosak.
- 12.3 Kedua-dua belah pihak, **TUAN TANAH** atau **PENYEWA** berhak menamatkan perjanjian bila-bila masa dengan memberi **Tiga Puluh (30)** hari notis secara bertulis.

FASAL 13 - PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG

- 13.1 PERJANJIAN INI hendaklah sentiasa tertakluk dan ditafsirkan menurut undang-undang semasa Malaysia.



APPENDIKS 4

FASAL 14 - DUTI SETEM

14.1 Apa-apa duti setem yang mesti dibayar dengan PERJANJIAN INI ditanggung oleh **PENYEWA**.

FASAL 15 - PERJANJIAN INI MENGIKAT PENGGANTI ATAU PENERIMA SERAH HAK

15.1 **PERJANJIAN INI** hendaklah mengikat dan memberi faedah kepada wakil, pengganti, penerima serah hak **TUAN TANAH** dan **PENYEWA**

FASAL 16 - ALAMAT SURAT – MENYURAT


16.1 Semua surat-menyurat mengenai PERJANJIAN INI hendaklah dialamatkan seperti di bawah:

16.1.1 TUAN TANAH

PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN,
JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
ARAS 2, BLOK MENARA 4G3,
WISMA SUMBER ASLI,
PRESINT 4,
62574 PUTRAJAYA

16.1.2 PENYEWA

<<Alamat 2>>



APPENDIKS 4

FASAL 17 - PENUKARAN ALAMAT

17.1 **PENYEWA** adalah diminta memberitahu **TUAN TANAH** secara bertulis dalam tempoh **Tiga Puluh (30)** hari sebelum berlakunya sebarang pertukaran alamat.

FASAL 18 - HAK MEMBUAT PINDAAN PERJANJIAN

18.1 Kedua-dua pihak dalam PERJANJIAN INI sentiasa berhak untuk membuat pindaan terhadap PERJANJIAN INI pada setiap masa disepanjang tempoh kuatkuasa PERJANJIAN INI, jika difikirkan perlu.

18.2 Apa-apa pindaan kepada Perjanjian hendaklah dibuat secara bertulis dengan persetujuan kedua-dua pihak. Pindaan PERJANJIAN INI hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada PERJANJIAN INI.

PADA MENYAKSIKAN PERJANJIAN DI ATAS, pihak-pihak dalam PERJANJIAN INI telah menurunkan tandatangan mereka pada hari dan tahun seperti yang mula-mula bertulis di atas.

Perturunkan Cop Mohor


Pertubuhan Perbadanan

Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dihadapan:

.....]
.....]
.....]

Ditandatangan oleh.....]
.....]
.....]

No. Kad Pengenalan untuk]
dan bagi pihak **PENYEWA**]
Saksi :-




APPENDIKS 5**BORANG PEMANTAUAN****Pelaksanaan *Vending Machine* Minuman dan Makanan Sihat Di Fasiliti Kesihatan KKM**

A. FASILITI:
B. NAMA SYARIKAT PENYEWA:
ALAMAT:
TELEFON:
C. PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN LOKASI /PENGURUSAN KEBERSIHAN DAN SAMPAH <i>(sila tandakan [✓] pada kotak yang dipilih, jika tidak sila beri ulasan ringkas jika perlu)</i>
i) AM <ul style="list-style-type: none"> a. Nama dan alamat berdaftar pemunya dilabelkan pada mesin <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak b. Kawasan lokasi mesin bebas dari pencemaran <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak c. Kawasan lokasi mesin kekal bersih dan sanitasi <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak d. Kawasan lokasi mesin bebas dari sarang perosak <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
ii) VENDING MACHINE MAKANAN <ul style="list-style-type: none"> a. Kekal berfungsi dan berkeadaan baik <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak b. Digunakan secara eksklusif untuk penjualan makanan <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak c. Bekas sampah disediakan: <ul style="list-style-type: none"> • Cukup <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak • Bertutup <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak • Mudah alih <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak • Tahan bocor <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak

APPENDIKS 5

d. Rak/kotak (bekas atau botol guna semula) disediakan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
e. Makanan, perkakas pakai buang atau barang dalam mesin adalah terlindung dari debu, perosak dan apa-apa pencemaran yang lain	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
f. Suhu mesin berada dalam tahap yang dibenarkan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
g. Makanan yang mudah rosak, susu atau hasil tenusu didispens dalam bekas atau individu asal	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
h. Mesin dan bekas guna semula dalamnya dicuci secara berkala	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
i. Muncung mesin, di mana makanan didispenskan, jika terpakai, dilindungi setiap masa daripada debu, perosak atau apa-apa pencemaran	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
iii) VENDING MACHINE MINUMAN	
a. Mempunyai sistem yang berkesan bagi mengendalikan titisan, tumpahan atau limpahan air	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
b. Mempunyai peranti pencegahan aliran balik bagi semua sambungan dengan bekalan air	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
c. Mendispens air dinyahjangkitkan melalui pengozonan atau kaedah lain yang diluluskan oleh Pengarah	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
d. Dilengkapi peranti pemantau yang direka untuk menghentikan operasi mesin itu apabila unit penyahjangkitan gagal berfungsi, atau dipantau setiap hari dari mula dan ditutup secara manual apabila unit itu gagal berfungsi	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
e. Menggunakan bekalan air awam yang diluluskan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak

**APPENDIKS 5****D. KANDUNGAN MINUMAN DAN MAKANAN**

- | | |
|---|--|
| a. Mematuhi senarai yang dibenarkan | <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak |
| b. Mematuhi harga mengikut perjanjian | <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak |
| c. Mematuhi peraturan-peraturan pelabelan | <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak |
| d. Mematuhi tarikh luput produk | <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak |
| e. Bahan makanan/minuman yang dijual sentiasa ada | <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak |


E. PENYELENGGARAN MESIN

- | | |
|--|--|
| a. Mesin berada dalam keadaan baik dan tidak rosak | <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak |
|--|--|

F. ULASAN KESELURUHAN

.....
.....
.....
.....
.....
.....

Nama Pegawai Pemantau:**Jawatan:****Tarikh:****Tandatangan:****Salinan kepada Syarikat Pemunya/Penyewa**


**APPENDIKS 5****FORMAT LAPORAN PEMANTAUAN****Negeri:**

Bil	Perkara	Ulasan Keseluruhan
1.	Peletakan <i>Vending Machine</i> Mengikut Prosedur Kerja Penyewaan <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai lesen • Mempunyai label nama dan alamat berdaftar pemunya pada <i>vending machine</i> • Dikendalikan oleh pemunya sendiri dan bukan <i>sublet</i> 	
2.	Kebersihan dan Keselamatan Makanan <ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi Akta Makanan 1983 (Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009), merujuk kepada borang pemantauan (perkara C(i) hingga (iii)) 	
3.	Kandungan <i>Vending Machine</i> <ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi senarai Minuman dan Makanan Sihat Bagi <i>Vending Machine</i> • Lain-lain perkara yang merujuk kepada borang pemantauan (perkara D) 	

Rekomendasi/cadangan: _____

Laporan disediakan oleh: _____

(Pegawai Teknologi Makanan Negeri)



APPENDIKS 6**SENARAI AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN GARIS PANDUAN****PENGERUSI****Dr. Zainal Ariffin Omar**

Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit
Bhg. Kawalan Penyakit

AHLI-AHLI**1. Dr. Kamaliah Mohd Noh**

Timbalan Pengarah Primer
Bhg. Pembangunan Kesihatan Keluarga

9. Dr. Madihah Mustafa

Ketua Penolong Pengarah
Bhg. Kawalan Penyakit

2. Tuan Haji Abdul Jabar Ahmad

Pengarah
Bhg. Pendidikan Kesihatan

10. Pn. Viola Michael

Pegawai Dietetik
Bhg. Kawalan Penyakit

3. Dr. Fatanah Ismail

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bhg. Pembangunan Kesihatan Keluarga

11. Pn. Ruhaya Salleh

Pegawai Zat Makanan
Bhg. Kawalan Penyakit

4. Dr. Feisul Idzwan Mustapha

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bhg. Kawalan Penyakit

12. En. Che Saipolliza Deraman

Pegawai Kesihatan Persekutaran
Bhg. Keselamatan Dan Kualiti Makanan

5. En. Varuges Abraham

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bhg. Pendidikan Kesihatan

13. En. Hanifar Sulaiman

Pegawai Kesihatan Persekutaran
Bhg. Keselamatan Dan Kualiti Makanan

6. Pn. Zaiton Daud

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bhg. Pemakanan

14. Cik Siti Ruzlin Mohamed Zaki

Penolong Pegawai Tadbir
Bhg. Khidmat Pengurusan

7. En. Azhar Yusuf

Penolong Pengarah Kanan
Bhg. Pemakanan

15. Cik Azlin Hilda Abdul Latif

Pembantu Tadbir
Bhg. Khidmat Pengurusan

8. Pn. Noraini Ab. Wahab

Ketua Penolong Pengarah
Bhg. Keselamatan Dan Kualiti Makanan